

# Dakwah Membina Kesejahteraan Hidup Masyarakat

**BITARA**Volume 3, Issue 4, 2020: 001-014  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Dakwah in Building Society Well-Being]

Abdul Ghafar Don,<sup>1</sup> Abu Dardaa Mohamad,<sup>1</sup> Ahmad Irdha Mohktar,<sup>1</sup> Anuar Puteh,<sup>1</sup>  
Razaleigh Muhamat@Kawangit,<sup>1</sup> Khazri Osman,<sup>1</sup> Mohamad Zulkifli Abdul Ghani,<sup>1</sup>  
Muhammad Faisal Asha'ari<sup>1</sup> & Zulkefli Aini<sup>1</sup>

### Abstrak

Dakwah adalah usaha-usaha islah dan memupuk nilai *al-khayr* dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Usaha-usaha islah ini antara lain bolehlah ditafsirkan dalam konteks bertujuan membina kesejahteraan hidup masyarakat manusia. Perkataan Islam itu sendiri menunjukkan makna Islam agama sejahtera yang tujuannya mempromosi dan membina kesejahteraan hidup. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui dan menganalisis pendekatan dakwah dalam membina kesejahteraan masyarakat. Artikel ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan rujukan terhadap al-Qur'an, hadith dan lain-lain literatur berkaitan sebagai landasan memahami konsep kesejahteraan melalui pendekatan dakwah. Al-Qur'an sebagai sumber rujukan utama kepada prinsip dan pendekatan dakwah telah menekankan konsep kesejahteraan misalnya melalui elemen '*salam*' (selamat/sejahtera), '*islah* (reformasi)', '*al-khayr*' (kebaikan), *rahmatan li al-'alamin* (rahmat kepada seluruh alam) dan '*al-birr*' (kebajikan). Pendekatan mempromosi dan membina kesejahteraan ini dilaksanakan melalui medium dan agenda dakwah. Analisis kajian ini mendapati dakwah berperanan sebagai nadi yang mempromosi dan membina hidup masyarakat yang sejahtera melalui bimbingan agar manusia memahami dan mengamalkan Islam dalam kehidupan dengan baik dan sempurna seterusnya mendapat kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Objektif ini dapat dicapai melalui pendekatan meningkatkan tahap religiositi, memperkasa amal ibadat, membudayakan ilmu, pembinaan akhlak dan keluarga *sakinah*.

### Kata kunci:

Dakwah, al-khayr, islah, Kesejahteraan hidup.

### Abstract

Dakwah is an islah (reformation) efforts and cultivating value of al-khayr (virtue) (Q, Ali 'Imran 3:104) in human life and society. This effort of islah among others could be interpreted in the context of building community well-being. The word 'Islam' itself denotes its meaning as a religion of peace with the purpose of promoting well-being. The purpose of this study is to know and to analyse the approach of dakwah in building society well-being. This article uses document analysis methods with references to the Qur'an, hadiths and other related literature as a basis for understanding the concept of well-being through a da'wah approach. Al-Qur'an as the main source of reference for the principles and approaches of da'wah emphasises the concept of well-being for example through the elements of '*salam*' (peace/prosperity), '*islah*' (reformation), '*al-khayr*' (virtue) and '*al-birr*' (goodness). The approach of promoting well-being is implemented through the medium and da'wah agenda. Hence, da'wah has the role as a backbone that promotes and builds society well-being by guiding the people

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

### Corresponding Author:

ABDUL GHAFAR DON, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: a.g.don@ukm.edu.my

to understand and practice Islam in their life with good and perfection in order to gain happiness and wellness in this worldly life and hereafter. These objectives can be achieved through approaches that increase the level of religiosity, strengthen the acts of worship, cultivate knowledge culture, inculcate morals and peaceful family.

**Keywords:**

Dakwah, *al-khayr*, islah, Well-being.

**Cite This Article:**

Abdul Ghafar Don, Abu Dardaa Mohamad, Ahmad Irdha Mohktar, Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Khazri Osman, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Muhammad Faisal Asha'ari & Zulkefli Aini. 2020. Dakwah membina kesejahteraan hidup masyarakat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 001-015.

## Pengenalan

Persoalan tentang kesejahteraan hidup banyak dibahaskan dan dikaji dalam kajian-kajian terdahulu dan ia dikaitkan dengan pelbagai aspek seperti fenomena politik, sikap, tindakan, kestabilan, optimis dalam jangkaan terhadap kehidupan masa depan, kepuasan terhadap kerajaan, kuasa dan penglibatan politik (Fred,1979). Perkataan kesejahteraan hidup itu sendiri membawa banyak maksud dan pengertian, selain dari mempunyai banyak kata sinonim. Veenhoven (2006) mengaitkan kesejahteraan hidup dengan kegembiraan. Kegembiraan pula didefinisikan sebagai sejauh mana seseorang itu menyukai akan kehidupan yang dilaluinya atau darjah di mana seseorang itu menilai keseluruhan kehidupannya secara positif. Beliau juga mengatakan, perkataan kesejahteraan hidup, kegembiraan, kualiti kehidupan, kepuasan hidup, kebajikan merupakan perkataan yang menerangkan konsep yang sama iaitu kehidupan yang baik. Namun kesejahteraan hidup tidak sama dengan kegembiraan walaupun kedua-dua istilah tersebut sering diguna pakai secara bersama.

Hakikatnya kesejahteraan hidup adalah kategori yang luas tentang fenomena termasuk respons emosi individu, bidang kepuasan, dan penilaian global terhadap kepuasan hidup (Diener 1996). Sementara itu, Renwick (2003) pula mendefinisikan kesejahteraan hidup sebagai suatu perkara yang menyebabkan seseorang merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya bermakna. Pada dasarnya kesejahteraan hidup merupakan satu konsep yang mudah untuk didefinisikan iaitu ia melihat kepada bagaimana 'baiknya' kehidupan seseorang, namun jika kita mengkaji dengan lebih mendalam, kita akan dapati betapa sukarnya untuk menentukan dan menjawab persoalan tentang bagaimana baik atau tidaknya kehidupan seseorang. Persoalan ini hanya boleh dijawab dengan mengkaji secara keseluruhan aspek kehidupan mereka kerana menurut Renwick (2003), kehidupan yang baik terhasil dari pelbagai aspek dan keadaan kehidupan yang saling bekerjasama dan berkaitan di dalam cara yang sangat kompleks. Norizan (2003) mengatakan kesejahteraan hidup subjektif dinilai berdasarkan kepuasan dan nikmat hidup yang dirasakan oleh individu seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia. Beliau juga berpandangan bahawa kesejahteraan hidup merupakan kualiti hidup subjektif kerana ia adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia.

Kajian-kajian lain yang hampir sama dari segi pentafsiran terhadap makna kesejahteraan dikemukakan Costanza et al. (2007) yang berpendapat kesejahteraan adalah sebagai respons individu atau kumpulan terhadap kegembiraan, kepuasan hidup dan kebajikan. Manakala Bretones dan Gonzales (2011) menyatakan kesejahteraan sebagai satu konsep yang mampu menjelaskan pelbagai bentuk kesejahteraan seperti pekerjaan, kebendaan mahupun perkahwinan. Oleh itu, kesejahteraan merupakan satu bentuk pengukuran kualiti hidup yang diukur secara psikologi atau dalaman yang melibatkan beberapa dimensi seperti kegembiraan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan. (Magrabi et al., 1991; Costanza et al., 2007; Bretones & Gonzales, 2011).

Merujuk kepada definisi institusi, Jabatan Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2013) pula mengkategorikan kesejahteraan hidup kepada dua aspek utama iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Kesejahteraan ekonomi merangkumi aspek pengangkutan, komunikasi, pendapatan, dan kerjaya. Manakala kesejahteraan Sosial merangkumi aspek perumahan, perhubungan sosial, pentadbiran, keselamatan, penglibatan sosial, kebudayaan, kesihatan, persekitaran dan keluarga. Sebelum itu istilah dan model yang digunakan adalah tentang konsep kualiti hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan berdasarkan kenyataan Jabatan Perdana Menteri (1999) iaitu kualiti hidup merangkumi kemajuan diri, cara hidup yang sihat, akses dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan, taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara. Namun demikian bermula pada tahun 2013, istilah kualiti hidup ini secara rasmi telah ditukar kepada kesejahteraan hidup.

Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang memberikan nilai kepada manusia tentang bagaimana kehidupan mereka berkembang sama ada bertambah baik atau sebaliknya. Meskipun ia mempunyai dimensi yang pelbagai namun secara tradisinya ia diukur melalui petunjuk ekonomi iaitu tingkat pendapatan (Fabrica dan David, 2010). Pengukuran demikian merupakan pengukuran bagi kesejahteraan hidup objektif. Namun demikian, timbul persoalan tentang ketepatan pendapatan sebagai ukuran kesejahteraan hidup. Ini menyebabkan pengukuran lain diambilkira dalam menilai kesejahteraan hidup masyarakat iaitu kesejahteraan hidup subjektif, yang mengambilkira perasaan dan pengalaman sebenar dalam pengukurannya (Rabobank, 2011). Frey and Stutzer (2002) mengatakan individu sebagai hakim yang terbaik untuk menilai kesejahteraan hidup mereka dan penilaian dibuat dengan cara bertanya secara terus kepada mereka tentang kesejahteraan hidup mereka. Pengukuran secara subjektif juga merangkumi aspek yang lebih luas dan menyeluruh seperti pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar dan kehidupan (Norizan, 2003). Pengukuran kesejahteraan hidup dilakukan berdasarkan petunjuk-petunjuk tertentu dan ia berbeza di antara kumpulan masyarakat yang berbeza.

## **Dakwah Asas Kesejahteraan**

Dakwah Islamiyah ialah usaha atau kegiatan menyeru kepada keselamatan, kedamaian, kebajikan, amar makruf nahi mungkar dengan tujuan mencapai kesejahteraan hidup. Perkataan

Islam pula sebagai *maudu'* (tajuk/kandungan dakwah) pula menunjukkan kepada makna selamat, damai, baik, aman dan sejahtera. Oleh itu, kombinasi kedua-dua istilah 'dakwah' dan 'Islam' memberi konotasi kepada tujuan merealisasikan matlamat kesejahteraan hidup.

Para ulamak memberi pengertian dakwah secara lebih khusus. Shaikh Ali Mahfuz missal dalam *Hidayah al-Murshidin* (t.th:17) menyatakan bahawa dakwah ialah menyeru dan menarik manusia kepada kebaikan dan petunjuk, melaksanakan amar makruf dan mencegah kemungkaran agar mereka mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dr. Abul karim Zaydan dalam *Usul al-Da'wah* (1976:5) menyatakan bahawa dakwah ialah seruan kepada Allah, iaitu kepada agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni (1991:39) mengemukakan takrif dakwah sebagai menyampaikan dakwah Islam kepada semua manusia, membimbing mereka kepadanya (kepada Islam) dari segi perkataan, perbuatan dan amalan pada setiap masa dan tempat dengan pendekatan tertentu yang sesuai dengan sasaran yang pelbagai. Adam Abdullah al-Aluri (1979:17) mentakrifkan dakwah dengan maksud mengalihkan pandangan dan akal manusia kepada akidah yang memberi manfaat kepada mereka ataupun masalah yang berfaedah. Ia juga bermaksud satu usaha untuk menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan musibah yang mungkin menimpa mereka.

Definisi yang diberikan oleh para ilmuwan Islam tersebut membawa kepada satu kesimpulan yang satu bahawa dakwah ialah seruan. Pada pandangan Islam seruan itu ialah seruan kepada perkara-perkara yang baik yang boleh membawa manusia mencapai matlamat kesejahteraan, kebaikan, kedamaian, keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dalil-dalil al-Qur'an telah mengisyaratkan seruan atau dakwah ke arah kesejahteraan ini. Antaranya: "Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya" (Surah al-Baqarah:208)

Tafsir al-Jalalyn (2004) misalnya mentafsirkan kalimah *al-silm* dalam ayat tersebut dengan makna '*Islam*'. Istilah Islam ini bolehlah ditafsirkan juga dengan pengertian damai, sejahtera, kebaikan. Ayat ini menjadi asas bagaimana tujuan dakwah adalah memupuk dan membina kesejahteraan masyarakat. Pengutusan para rasul adalah bertujuan membina kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia dalam dua dimensi, iaitu dunia dan akhirat dengan berpaksikan Tauhid bagi mendapat keredaan Allah.

Dakwah yang bersifat dinamik membawa konsep perubahan masyarakat. Konsep perubahan masyarakat melalui dakwah ini telah dinyatakan dalam kitab suci al-Qur'an misalnya dalam Surah al-Ra'd, ayat 11 yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak akan merubah apa yang terdapat pada keadaan suatu kaum atau masyarakat, sehingga mereka mengubah apa yang terdapat dalam diri (sikap mental) mereka". Ayat tersebut mengikut M. Quriash Shihab (1993: 246) berbicara tentang dua macam perubahan dengan dua pelaku. Pertama, perubahan masyarakat yang pelakunya adalah Allah SWT. Kedua perubahan keadaan diri manusia yang pelakunya adalah manusia. Perubahan yang dilakukan Tuhan terjadi secara pasti melalui hukum-hukum masyarakat yang ditetapkannya. Hukum-hukum tersebut tidak memilih atau membezakan antara satu masyarakat dengan masyarakat lain. Siapa pun yang mengabaikan akan digilasnya, sebagaimana yang terjadi kini dan pada masyarakat Islam, dan sebagaimana yang pernah terjadi pula pada masyarakat yang dipimpin Nabi Muhammad SAW.

Setiap masyarakat memiliki ciri-ciri yang melekat padanya, terutama masalah watak sikap atau perilaku masyarakat itu. Pada dasarnya setiap anggota masyarakat memiliki karakter yang berbeza sesuai dengan budayanya masing-masing. Hal ini tentu merupakan salah satu ciri

daripada masyarakat. Sebab pada hakikatnya masyarakat merupakan kelompok orang yang berkumpul dalam suatu tempat yang melakukan suatu kesepakatan bersama untuk dipatuhi (Bahri Ghazali, 1997: 46).

Dengan demikian dapatlah difahami bahawa dakwah dan perkembangan serta kemajuan masyarakat sangat berkaitan bahkan tidak dapat dipisahkan. Dakwah merupakan tuntunan dalam mengatur kehidupan bermasyarakat demi kemaslahatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Sistem dakwah memiliki fungsi mengubah lingkungan secara lebih terperinci yang memiliki fungsi meletakkan dasar eksistensi masyarakat Islam, menanamkan nilai-nilai keadilan, kesamaan, kesatuan, perdamaian, kebaikan dan keindahan sebagai medium penggerak perubahan perkembangan masyarakat, membebaskan individu dan masyarakat dari sistem kehidupan jahiliah kepada sistem Islami yang adil dan bertamadun, mengkritik kegiatan anti-sosial dan anti-agama serta penyimpangan yang berlaku dalam masyarakat melalui agenda amar makruf, nahi mungkar dan usaha-usaha *islah*.

Dakwah seperti yang diungkapkan Amrullah Achmad (1983) adalah untuk mengubah situasi kepada yang lebih baik dan sempurna baik terhadap individu mahupun masyarakat. Pada hakikatnya dakwah Islam merupakan usaha merealisasikan iman yang dimanifestasikan dalam sistem hidup manusia, dalam bidang kemasyarakatan yang dilaksanakan secara teratur, untuk mempengaruhi cita rasa, cara berfikir, sikap dan bertindak manusia di peringkat individu dan sosial dalam rangka meratakan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan manusia, dengan kaedah tertentu. Umum mengetahui bahawa Allah tidak mencipta manusia bersifat 'homogen', tetapi manusia dicipta dengan sifat yang 'heterogene', yakni bersifat pelbagai, rencam dan ragam, sama ada dari segi bangsa mahupun tingkahlaku atau watak. Dr. Abdul Karim Zaydan mengelompokkan penerima dakwah dalam masyarakat kepada empat kumpulan utama, iaitu: Al-Mala' (golongan elit/pembesar/pemerintah), Jumhur (orang awam), Munafik dan Pelaku maksiat. Keempat-empat golongan ini perlu ditangani dalam konteks pendekatan dakwah sesuai dengan latar belakang dan kedudukan mereka dalam masyarakat.

Sejarah dakwah zaman silam, dengan contoh para rasul menyaksikan pelbagai cabaran, masalah dan ragam manusia yang terpaksa dihadapi. Perwatakan, tingkahlaku dan kepelbagaian lain telah dihadapi para rasul dalam dakwah mereka mengajak masyarakat manusia agar menerima Islam sebagai sistem kehidupan demi kesejahteraan mereka. Nabi Nuh berdakwah kepada kaumnya yang ingkar dengan perintah agar mentauhidkan Allah – Surah al-A'raf:59-64. Malah Nabi Nuh dituduh sesat. Allah menenggelamkan kaum Nabi Nuh yang ingkar tersebut (7:64). Mereka dilabel al-Qur'an kaum yang buta mata hati (Qauman 'amin, 7:64). Begitu juga masyarakat atau kaum 'Ad yang didakwah oleh Nabi Hud. Baginda dituduh kurang waras, bodoh dan pendusta (7:65-67). Nabi Hud berperanan sebagai juru bicara ummah, penasihat yang amanah (*Nasihun amin*). Kaum penyembah berhala, mengikuti tradisi nenek moyang mereka yang sesat. Kaum ini juga dibinasakan Allah. Kaum Nabi Ibrahim, menjadikan berhala sebagai sembah dan kepercayaan yang dipegang. Nabi Soleh menghadapi masyarakat yang ingkar, kehidupan mereka mewah sehingga membina istana dan rumah-rumah mewah di atas bukit (7:73-79). Mereka juga merupakan kaum yang dibinasakan kerana keingkaran di mana ditimpa gempa bumi (*al-rajjafah*) sehingga mati bergelimpangan dalam rumah. Dakwah Nabi Shuib, misalnya bertujuan mengislahkan kehidupan manusia melalui seruan berikut: "Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik

untuk menjayakannya melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNya lah aku kembali”. (Al-Qur’an, Surah Hud, ayat 88)

Dakwah Nabi Shuib selain tujuan utama membina masyarakat yang mentauhidkan Allah, juga bertujuan menghentikan kegiatan ekonomi yang bersifat menindas, iaitu penipuan dalam urusan perniagaan atau jual beli. Jika usaha islah ini tidak dilakukan sudah tentu kesejahteraan hidup masyarakat tidak dapat diwujudkan lantaran sebahagian masyarakat ditindas melalui transaksi perniagaan yang tidak sihat.

Dakwah dalam membina masyarakat sejahtera juga telah dilaksanakan dengan penuh dedikasi oleh Nabi Luth meskipun diancam oleh kaumnya. Baginda dengan tabah, berani dan tegas melaksanakan perintah dakwah oleh Allah agar mencegah perbuatan tidak bermoral kaumnya iaitu homoseksual. Dakwah baginda dalam mencegah perbuatan homoseksual ini dinyatakan dalam Surah Al-‘Araf, ayat 80: “Dan (Kami juga telah mengutus) Luth, ketika dia berkata kepada kaumnya, “Mengapa kamu melakukan perbuatan keji, yang belum pernah dilakukan oleh seorang pun sebelum kamu (di dunia ini). Kaum Nabi Luth, ketagih dengan kegiatan homoseksual (7:80-84). Isteri baginda juga termasuk kaum yang ingkar. Mereka dibinasakan dengan hujan batu. Kaum Nabi Shuib, curang dan khianat dalam kegiatan perniagaan (7:85-95). Mereka adalah kaum yang melakukan kerosakan dan menghalang manusia dari beriman kepada Allah. Mereka juga ditimpa gempa seperti mana kaum Nabi Soleh. Kaum Nabi Musa, ditindas rejim Fir’aun yang zalim dan tidak dipedulikan oleh Qarun yang kaya dengan khazanah harta (7:103-155). Nabi Musa menghadapi rejim Fir’aun yang zalim yang tidak mengizinkan rakyatnya beriman, malah mengancam akan memotong tangan dan kaki secara bersilang jika ada rakyat yang ingin beriman dengan dakwah yang dibawa Nabi Musa. Kaum Nabi Musa sebenarnya telah ditimpa dengan pelbagai bala dari Allah dengan harapan agar mereka insaf seperti ditimpa kemarau selama bertahun-tahun menyebabkan kekurangan buah untuk dimakan (7:130), ditimpa taufan, belalang, kutu, katak dan darah (air minuman berubah menjadi darah).

Begitulah kepelbagaian ragam manusia dan masyarakat yang menjadi sebahagian daripada sasaran dakwah para rasul bagi tujuan mengajak mereka ke arah kesejahteraan dan kedamaian hidup. Hal yang sama juga dihadapi oleh junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Dalam pada itu, terdapat juga kalangan masyarakat yang mudah menerima dakwah seperti mana sebahagian kelompok manusia yang awal memeluk Islam yang dinyatakan al-Qur’an sebagai *as-Sabiqun*. *as-sabiqun* sepertimana sahabat-sahabat karib Nabi (Saydina Abu Bakar), sepupu Nabi (Saydina Ali), isteri baginda Khadijah Sayyidina Uthman, Zubair al-Awwam, Abd Rahman Auf, Saad Abi Waqqas, Talhah Ubaidillah dan Abu Zar al-Ghifari adalah antara yang terawal masuk Islam (Bik 1996:63-66). Kelompok yang menerima dakwah ini memahami bahawa Islam menjamin keadilan, kesamaan, kemakmuran, kedamaian, keharmonian dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Dakwah Nabi Muhammad, sesuai dengan risalah baginda sebagai risalah terakhir dan bersifat ‘*alami*’ (universal) dan ‘*kaffah*’ (komprehensif), maka dakwah baginda lebih bersifat multi-dimensi. Justeru, usaha-usaha dakwah baginda memberi fokus kepada pelbagai bidang kehidupan manusia: Sosial, ekonomi, politik, undang-undang, pendidikan, institusi keluarga, adab dan akhlak dan lain-lain yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Contoh kepada dakwah dalam bidang sosial bagaimana al-Qur’an menjelaskan tentang tanggungjawab sosial dalam menjamin kesentosaan dan kesejahteraan masyarakat. Baginda digesa tidak

menzalimi anak yatim, tidak meminggirkan orang yang susah dan memerlukan (Al-Qur'an, Surah al-Dhuha , ayat 9 & 10). Gesaan syura terkandung dalam dakwah dalam bidang politik (Surah al-Ma'idah, ayat 159), dakwah dalam bidang ekonomi dan perniagaan dengan menggalakkan jual beli yang halal dan memerangi serta mengharamkan riba (Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:275), dakwah dalam bidang perundangan dengan perlaksanaan hukum secara adil (Al-Qur'an, Surah al-Nisa', 4:58), dakwah dalam soal pendidikan dan Adab (Al-Qur'an, Surah al-Tawbah 9:119 & Hadith Nabi yang menyatakan agama seseorang dipengaruhi oleh rakan atau kawan. Sila rujuk Hadith Riwayat Ahmad, al-Tirmizi, Abu Dawud dan al-Baihaqi) dan lain-lain bidang.

Tugas dakwah yang dilaksanakan para rasul tersebut : Nabi Nuh, Nabi Hud, Nabi Luth, Nabi Musa, Nabi Shuib , Nabi Muhammad dan lain-lain rasul dengan mengajak semua manusia mentauhidkan Allah dan mengabdikan diri kepadaNya serta mengamalkan nilai-nilai diri yang baik dan menjauhkan segala kejahatan dan kekejian bertujuan membina kesejahteraan hidup di dunia dan juga di akhirat. Penelitian kepada sejarah dakwah rasul-rasul tersebut boleh menjadi asas kepada usaha dan kegiatan dakwah dalam membina kehidupan masyarakat yang sihat akal, mental, emosi dan rohani seterusnya bahagia dan sejahtera dalam hidup.

## **Implementasi Dakwah Semasa dalam Menyejahterakan Masyarakat**

Perlaksanaan atau implementasi dakwah semasa perlu mengambil kira beberapa perkara berikut dalam mencapai matlamat kesejahteraan hidup, iaitu:

### **Peningkatan Tahap *Religiositi***

Religiositi menurut The Cambridge English Dictionary bermaksud mempunyai kualiti atau sangat beragama (the quality of being very or too religious). Religiositi dari perspektif Islam pula menurut kajian Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Sunawari Long, Zaizul Ab Rahman (2015) merujuk kepada menjadikan keseluruhan ajaran Islam sebagai al-Din atau tatacara hidup. Ia bergantung kepada sejauh mana ajaran Islam itu dihayati dalam kehidupan seseorang bergantung kepada setinggi mana keimanan seseorang itu yang dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Dengan itu konsep penghayatan Islam dapat difahami dengan lebih jelas melalui istilah Din itu sendiri yang menjadikan keseluruhan ajaran Islam sebagai tatacara hidup (*hayyah mutadayyinah*) yang sempurna dan diredai Allah s.w.t. Hal ini jelas menunjukkan kaitan iman dan agamanya serta akhlak yang dilahirkan daripada keduanya (Azma, 2006).

Religiositi atau kehidupan beragama amat penting di dalam kehidupan manusia kerana religiositi memberi pengaruh yang besar terhadap tingkahlaku, personaliti (Raba, 2001), ketenangan emosi (Kassan, 2002) keyakinan diri manusia (Qardhawi, 1985) serta kebahagiaan hidup (Hamka, 1997). Mesej dakwah menekankan kepentingan pemupukan dan penghayatan religiositi dalam kehidupan. Penelitian kepada ayat-ayat al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w jelas mengisyaratkan mesej dakwah ke arah peningkatan tahap religiositi. Antara mesej dakwah berkaitan religiositi ini ialah: "Wahai orang-orang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam

keseluruhannya. Dan janganlah kamu ikuti langkah-langkah syaitan. Sungguh ia musuh yang nyata bagimu” (Surah al-Baqarah, 2:208)

Ibnu Kathir (2019) mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan mereka, iaitu orang-orang beriman seluruhnya diperintahkan untuk mengerjakan semua cabang iman dan syari’at Islam, yang jumlahnya sangat banyak, sesuai dengan kemampuan mereka: “Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung” (Al-Qur’an, Surah Ali ‘Imran 3:104) serta: “Kamu (umat Islam) adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, (kerana kamu) menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah” (Al-Qur’an, Surah Ali ‘Imran 3:110)

Hadith Nabi: “Bertaqwalah di mana sahaja kamu berada. Iringilah kejahatan dengan kebaikan kerana ia (kebaikan) akan menghapuskan kejahatan. Dan berakhlaklah kepada manusia dengan akhlak yang baik”

Pengajaran dan garis panduan yang boleh diambil berdasarkan ayat-ayat al-Qur’an dan hadith tersebut dalam konteks penghayatan agama ke arah kesejahteraan hidup ialah:

1. Menerima dan menghayati Islam sebagai satu program hidup (manhaj al-hayah) yang lengkap
2. Merealisasikan amar makruf , nahi mungkar dalam kehidupan individu dan masyarakat
3. Beriman dan bertaqwa kepada Allah
4. Melakukan kebaikan setelah meninggalkan kejahatan
5. Berbuat baik sesama manusia

Asas-asas dan elemen dalam prinsip religiositi ini akan menyumbang ke arah kesejahteraan sekiranya dapat dihayati oleh masyarakat dalam kehidupan seharian. Secara lebih khusus, religiositi masyarakat pedalaman boleh dipupuk melalui mekanisme berikut:

## **Mengukuhkan keimanan masyarakat**

Masyarakat perlu diberi peneguhan iman melalui kepercayaan, keyakinan dan kebergantungan terhadap Allah s.w.t dalam melayari ujian kehidupan. Asas ajaran Islam iaitu percaya kepada Allah, hari akhirat dan qada’ dan qadar menjadi faktor penyumbang kepada kesejahteraan hidup. Orang yang tidak kuat imannya akan meletakkan sangkaan yang tidak baik kepada Allah s.w.t lantas menyalahkan takdir hidup kerana kesusahan dan kemiskinan yang dialaminya. Malah dalam mereka berkemungkinan terlibat dalam kegiatan yang bercanggah dengan syariah (mencari rezeki dari sumber tidak halal) bagi tujuan meneruskan kelangsungan hidup. Inisiatif mengadakan kelas bimbingan kepada masyarakat di kampung-kampung pedalaman secara terancang dan berterusan perlu dilaksanakan dalam membina dan meningkatkan tahap religiosity yang mampu menjana kesejahteraan hidup. Fokus nilai dalam kelas bimbingan hendaklah menekankan aspek-aspek berikut:

1. Kepercayaan dan keyakinan terhadap janji Allah bagi orang yang berbuat kebaikan
2. Hidup adalah ujian
3. Reda terhadap Allah di atas qada qadar dalam kehidupan



4. Amalan-amalan doa yang memberi ketenangan jiwa
5. Amalan-amalan doa, zikir dan ayat-ayat al-Qur'an yang mendorong mendapat keluasaan rezeki melepaskan kesusahan dan kesempitan hidup
6. Motivasi bekerja meningkatkan rezeki dan taraf hidup

## Memperkasa Amal Ibadat

Ibadat adalah komponen penting dalam kehidupan seseorang Muslim yang membantu kepada memperkukuhkan iman. Kesempurnaan kehidupan seseorang Muslim juga ditandai dengan sejauh mana ia melaksanakan tuntutan ibadah. Tugas manusia dalam melaksanakan tuntutan ibadah dinyatakan dengan jelas dalam al-Qur'an: "Tidak Aku ciptakan manusia dan jin, melainkan untuk beribadat kepadaKu" (Al-Qur'an, Surah al-Zariyat, 51:56). Dalam ayat 162, Surah al-'An'am Allah berfirman: "Katakanlah sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Tuhan sekalian alam"

Perlaksanaan ibadat adalah bukti kepercayaan seseorang terhadap keimanan terhadap Allah s.w.t. Malah ibadat juga dapat membezakan manusia dengan makhluk-makhluk lain. Sehingga mereka akhirnya dilabel oleh Allah lebih sesat daripada binatang ternakan. Firman Allah: "Sesungguhnya Kami jadikan untuk isi neraka Jahanam kebanyakan jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami ayat-ayat Allah, dan mereka mempunyai mata tetapi tidak dipergunakannya untuk melihat tanda-tanda kekuasaan Allah, dan mereka mempunyai telinga tetapi tidak dipergunakan untuk mendengar ayat-ayat Allah. Mereka itu seperti binatang ternakan, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang lalai" (Surah Al-'Araf, 7:179)

Para ulama tafsir seperti al-Zamakshari (1995) misalnya menyatakan bahawa jika manusia hidupnya hanya makan dan minum, ia sudah tentu tidak ada perbezaan dengan binatang ternakan dari sudut tidak memahami, melihat dan mendengar bagi mengambil iktibar melalui proses tadabbur. Dalam hal ini, modul bimbingan pelaksanaan ibadat dalam kalangan masyarakat pedalaman boleh dibina berasaskan elemen-elemen berikut:

1. Penekanan kewajipan dan kepentingan solat dalam hidup seorang Muslim
2. Praktikal Solat
3. Amalan sunat (solat sunat, membaca al-Qur'an, berzikir, doa-doa tertentu)
4. Taharah (Wuduk, mandi wajib, mandi sunat, tayammum)

Amalan ibadat yang dilakukan ini adalah sebagai satu proses tazkiyah yang boleh memberi motivasi dan perangsang ke arah kesejahteraan hidup. Ayat-ayat al-Qur'an dan doa-doa tertentu yang menjadi amalan dan rutin harian jika dengan izin Allah insya-Allah akan membuka pintu rezeki seseorang. Sebagaimana firman Allah: "Barang siapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkan), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya" (Surah al-Talaq, ayat 65).

Bertakwa termasuklah melakukan amal ibadat menjadi faktor seseorang itu diberi jalan keluar atau penyelesaian kepada masalah yang dihadapi dalam kehidupan. Juga menjadi faktor seseorang dimurahkan rezeki oleh Allah s.w.t. Justeru, masyarakat pedalaman perlulah

diberikan penekanan agar sentiasa beribadat dan bertakwa kepada Allah s.w.t. Malah pihak-pihak berautoriti agama juga boleh menganjurkan misalnya bulan ibadah bagi memupuk rasa kecintaan masyarakat untuk melakukan amal ibadat.

## **Penghayatan Ilmu**

Ilmu adalah asas penting dalam membina masyarakat berbudaya, beradab dan bertamadun serta mencapai kecemerlangan hidup. Islam menekankan kepentingan dan kelebihan ilmu. Asas, prinsip dan kepentingan ini telah dijelaskan al-Qur'an dan hadith Nabi. Dalil-dalil al-Qur'an mengenai kelebihan ilmu ini antaranya ialah:

1. Firman Allah dalam Surah al-Mujadilah, ayat 11: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepadamu, "Berilah kelapangan di dalam majlis-majlis maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan, "Berdirilah kamu, "maka berdirilah nescaya Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu beberapa darjat. Dan Allah Maha teliti apa yang kamu kerjakan"

Firman Allah dalam Surah al-Zumar, 39:9 yang bermaksud: Katakanlah, "Apakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui". Hadith Nabi yang menyebutkan tentang kepentingan ilmu ini ialah: "Menuntut ilmu adalah kefarduan bagi setiap individu muslim." dan hadith: Maksudnya: "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur'an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya". [Riwayat Muslim (4867)]

Berdasarkan asas kepentingan ilmu yang telah dinyatakan berdasarkan dalil-dalil al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi, adalah penting fokus dakwah dilakukan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat pedalaman tentang kepentingan ilmu dan memberi galakan agar mereka berusaha mencari ilmu melalui kuliah-kuliah di masjid dan surau atau majlis-majlis ilmu yang dianjurkan oleh badan-badan dakwah. Ia memerlukan usaha bersepadu semua pihak, sama ada institusi agama berautoriti seperti jabatan agama dan badan-badan dakwah NGO. Kesedaran masyarakat tentang kepentingan ilmu dan penghayatan mereka dalam membudayakan ilmu akan menyumbang kepada kesejahteraan hidup.

## **Keluarga Sakinah**

Islam menekankan pembinaan keluarga bahagia dalam mencapai matlamat kesejahteraan hidup bermasyarakat. Firman Allah berhubung pembinaan keluarga bahagia ini ialah: " Dan di antara tanda-tanda kebesaran-Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya. Dan Dia menjadikan di antaramu rasa kasih dan sayang. Sungguh pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui" (Surah Al-Rum, 30:21).

Terdapat lima prinsip asas hikmah yang boleh diambil daripada firman Allah SWT surah Ar Rum ayat 21 ini, iaitu:

*Pertama:* Allah mencipta pasangan hidup dari golongannya / jenisnya sendiri. Yang dimaksud pasangan dari golongan sendiri adalah Allah ciptakan Hawa dari tulang rusuk Nabi Adam di sebelah kiri yang paling pendek. Oleh karena itu sudah menjadi sunatullah bahawa pasangan hidup manusia iaitu lelaki dan wanita dari golongan manusia juga, bukan dari kalangan haiwan atau jin supaya tercipta manfaat atau kemaslahatan yang besar pada diri manusia.

*Kedua:* Ketenangan dalam rumahtangga (*sakinah*) . Kalimah *Sakinah* dalam ayat tersebut merujuk kepada rasa aman, damai, harmoni dan cenderung kepada orang yang dicintainya. Iaitu kecintaan yang lahir antara suami dan isteri.

*Ketiga:* Situasi *mawaddah* ( rasa cinta dan kasih sayang)

*Mawaddah* adalah cinta kasih, persahabatan, keinginan untuk bersama. Imam As-Sayuthi r.a (911 H) dalam *Tafsir Dur Manthur* (11/595) dari riwayat Ibn al-Mundzir dan Ibn Abi Hatim, dari Al-Hasan rahimahullah menjelaskan tentang firman Allah:“.. dan dijadikan-Nya di antaramu *mawaddah*”, dengan makna “*al-jima*”. Sebagaimana Mujahid dan Ikrimah yang menyatakan *mawaddah* adalah makna *kinayah* dari nikah iaitu *jima*’ sebagai lanjutan dari pernikahan. Apa pun *mawaddah* bukan sekadar *al-jima*’, tetapi boleh ditafsirkan dengan lebih luas meliputi sifat kasih sayang, saling memahami dan hormat menghormati ke arah mencapai kebahagiaan hidup berumahtangga.

*Keempat:* Lahirnya sifat *rahmah* (*kasih sayang*): *Rahmah* adalah kasih sayang dan kelembutan yang timbul berdasarkan ikatan perkahwinan hasil akad nikah. Seperti rasa cinta antara orang yang mempunyai pertalian darah, cinta ibubapa terhadap anaknya, atau sebaliknya. Al-Qur’an menyebut hubungan darah ini *al-arham*. Sifat *rahmah* ini penting supaya wujud kebaikan melalui sifat rasa kasihan seorang suami atau isteri terhadap pasangan masing-masing. Sifat *rahmah* ini mendorong suami dan isteri saling membantu dalam kerja-kerja atau tugas rumah tangga. Seorang yang tidak ada sifat *rahmah* akan membiarkan pasangannya melakukan tanggungjawab rumah tangga secara bersendirian. Malah hilangnya sifat *rahmah* akan membawa kepada keganasan rumahtangga.

*Kelima:* Dorongan berfikir (*tafakkur*). Seruan terhadap kehidupan berpasang-pasangan ini sebenarnya mengandungi ajakan dari *al-Khaliq* untuk berfikir tentang kebesarannya. Malah jika diteliti kepada ayat ini, ia bukan sekadar persoalan tentang tujuan pernikahan dalam rangka melangsungkan keturunan dan terciptanya keluarga *sakinah mawaddah* dan *rahmah* sahaja, tetapi ia mempunyai maksud lebih dari itu, supaya manusia mensyukuri nikmat Allah dan mengagungkan kebesarannya.

Berdasarkan perbincangan ini, dalam melahirkan keluarga *sakinah*, usaha-usaha perlu dilakukan bagi mencapai matlamat tersebut. Kemiskinan dan kesempitan hidup kadang-kadang menghalang wujudnya keluarga *sakinah*. Ini berdasarkan hadith Nabi yang menegaskan dengan maksud: “Hampir-hampir kefakiran membawa kepada kekufuran”. Selain usaha memperkukuhkan keharmonian dan kebahagiaan institusi keluarga melalui program kerohanian atau keagamaan, pihak-pihak berwajib dengan dibantu NGO perlu juga mengambil inisiatif mengadakan latihan keusahawanan atau projek-projek yang boleh menjana pendapatan. Ini kerana pendekatan dakwah dalam menyejahterakan masyarakat antara lain

perlu dilaksanakan melalui inisiatif *jihad al-mal* (jihad harta) sebagaimana dijelaskan dalam al-Qur'an, Surah al-Saff, ayat 11. Justeru, ia memerlukan komitmen dan justifikasi kewangan dalam menjayakan projek ini. Ia boleh dilaksanakan secara bersepadu di antara agensi agama kerajaan, NGO dan badan swasta.

## Pembinaan Akhlak


Akhlak adalah cermin kepada kehidupan seseorang. Ketinggian peradaban sesebuah masyarakat juga lihat kepada akhlak anggota masyarakat tersebut. Dakwah Islam sangat memberikan penekanan tentang soal-soal pembinaan akhlak. Kebangkitan rasulullah sebagai rasul adalah bertujuan membina, memurni dan menyempurnakan akhlak manusia. Malah akhlak baginda diiktiraf oleh Allah sebagai akhlak al-Qur'an bagi menggambarkan sifat baginda sebagai teladan (*uswah hasanah/qudwah hasanah*) untuk diikuti (Al-Qur'an, Surah al-Qalam, 68:4).

Pembangunan masyarakat perlu mengambil kira soal pembinaan akhlak ke arah mencapai kesejahteraan hidup. Sehubungan dengan itu, beberapa perkara boleh diambil kira dalam agenda pembinaan akhlak, iaitu:

1. Budaya salam
2. Menghormati dan menghargai ibubapa dan orang yang lebih tua
3. Menghormati, memahami dan menghargai jiran
4. Adab makan dalam Islam
5. Adab berpakaian dalam Islam
6. Menyedari harga diri

Program pembinaan akhlak ini akan lebih berkesan sekiranya dilakukan secara terancang misalnya melalui bimbingan secara bermodul yang boleh diambil inisiatif oleh institusi agama yang bertanggungjawab.

Berikut adalah rajah yang menjelas dan merumuskan kerangka model dakwah dalam membina kesejahteraan hidup masyarakat khususnya masyarakat pedalaman.



Rajah 1: Model Dakwah dalam Membina Kesejahteraan Hidup

Kerangka model ini adalah berdasarkan gagasan al-Qur'an, Surah al-Baqarah ayat 201 yang menggesa manusia mencari kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Medium membina kesejahteraan ini akan dapat dicapai melalui inisiatif dan pendekatan dakwah melalui proses peningkatan tahap religiositi masyarakat dengan memperkukuhkan iman, memperkasa amal ibadat, membudayakan ilmu, pembentukan keluarga sakinah dan pembinaan akhlak yang luhur.

## Kesimpulan

Kesejahteraan hidup adalah bergantung kepada sejauh mana manusia dapat memperoleh kebahagiaan dan kegembiraan dalam kehidupan diri dan keluarga. Dakwah Islamiah dengan mesej *al-khayr*, amar makruf dan nahi mungkar menawarkan model yang relevan dan perlu diaplikasi bagi tujuan membina kesejahteraan hidup masyarakat manusia. Melalui domain atau kerangka utama religiositi, inisiatif dakwah dalam membangunkan masyarakat sejahtera boleh dicapai melalui usaha pengukuhan keimanan, pemerkasaan amal ibadat, pembudayaan ilmu, pembentukan keluarga sakinah dan pembinaan akhlak yang luhur. Hasrat ini akan lebih berkesan sekiranya dilakukan secara bersepadu melalui kerjasama semua pihak: Institusi agama berautoriti dan berwajib, NGO Islam/dakwah, badan swasta, institusi pengajian tinggi dan lain-lain yang berkaitan.

## Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada output Penyelidikan UKM:PP-2019-009. Penyelidik merakamkan penghargaan kepada Unit Zakat UKM yang menaja kos penyelidikan ini.

## Rujukan

- Abdul Munir Mulkhan. 1996. *Ideologisasi Gerakan Dakwah*. Yogyakarta: SI Press.
- al-Aluri, Adam 'Abd Allah. 1979. *Tarikh al-Da'wah Baina al-'Ams wa al-Yaum*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Amrullah Achmad. 1983. *Dakwah Islam dan Perubahan Sosial*. Yogyakarta: Prima Data.
- Azizah Md Yusof, Jamal Ali & Roslina Kamarudin. 2014. Kesejahteraan Hidup Subjektif : Pengaruh Elemen Ekonomi dan Bukan Ekonomi . *Prosiding Perkem ke-9 (719 – 727)*
- Bahri Ghazali. 1997. *Da'wah Komunikatif*. Jakarta: Pedomam Ilmu Jaya.
- al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 1991. *Al-Madkhal Ila 'Ilm al-Da'wah*. Bayrut: Mu'assah al-Risalah.
- Bik, Sheikh Muhammad al-Khudhori. 1996. *Nur al-Yaqin*. Mohd. Asri Hj. Hashim (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Bretones, F.D & Gonzalez, M. J. 2011. Subjective and occupational well-being in a sample of Mexican workers. *Social Indicators Research* 100: 273-285.
- Contanza, Robert. 2007. Quality of life: An approach integrating opportunities, human needs, and subjective well-being. *Ecological Economics*, 6: 267-276.
- Diner, E. 1996. Traits can be powerful, but are not enough: Lessons from subjective well-being. *Journal of Research in Personality*, 30: 389-399.

- Fray B.S & Stutzer A. 2002. The Economic of Happiness. Economists' Reluctance and a New Development. *World Economic*. Vol. 3(1): 12-34
- Fred M. Hayward .1979. Perception on Well-being in Ghana 1970 and 1975. *African Studies Reviews* 22(1): 109-125.
- Jabatan Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri .2013.
- Jamiah Manap et al. 2013. Prinsip Pengukuran Religiositi Dan Personaliti Muslim. *Journal of Psychology and Human Development*, 1(1): 36-43.
- Magrabi, F.M., Chung, Y.S., Cha, S.S. & Yang, S. 1991. *The economics of household consumption*. New York: Praeger Publishers.
- al-Mahalli, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad & al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 2004. *Tafsir al-Jalalyn*. Dimasyq: Dar al-Khayr.
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 1974. *Tafsir al-Maraghi*. Jil. 9. al-Qahirah: Musthafa al- Halaby.
- Masmuddin. 2011. Dakwah dan Pengembangan Masyarakat. *Jurnal Al-Tajdid* 11(1): 37-46
- Muhammad Fuad. 1984. *Mu'jam Mufahras li Alfazh al-Qur'an*. Damaskus: Dar al-Rasyid.
- Norizan Abdul Ghani .2003. Kualiti hidup penduduk pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian (Tesis PhD). Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Rabobank .2011. It's More Than The Economy, Stupid! It's all about Well-being. *Economic Research Department*. The Netherlands.
- Renwick, D. 2003. "HR managers: guardians of employee wellbeing?", *Personnel Review* 32(3): 341-59.
- Siti Nadira Ahmad Rozlan Shah, Rosmadi Fauzi & Jamilah Mohamad. Membina Model Indeks kesejahteraan hidup penduduk bagi Semenanjung Malaysia, *Geografia* 11(4): 87-96.
- Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan, Mansor Mohd Noor, Wan Shahzinda Shah Wan Shahr. 2016. Indeks Kesejahteraan Hidup Dalam Masyarakat Kepelbagaian: Kajian Dalam Kalangan Pelajar IPTA. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah*.(3rd ICoMM) 31st October - 1 st November.
- Veenhoven R. 2006. How Do We Assess How Happy We are? Tenets, Implications and Tenability of Three Theories. *Paper conference on 'New Directions in the Study of Happiness: United States and International Perspectives'*, University of Notre Dame, USA, October 22-24.
- al-Zamakshari, al-Imam Abi al-Qasim Jarullah Mahmud bin 'Umar bin Muhammad. 1995. *Al-Kasshaf*. Jil. 2. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1976. *Usul al-Da'wah*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.